

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah hasil dan syor Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan sejak ditubuhkan pada tahun 2018 ; dan
- (b) apakah garis masa (timeline) atau tarikh akhir (deadline) Kerajaan untuk memansuhkan peruntukan-peruntukan zalim dalam Akta SOSMA.

## **JAWAPAN**

Kementerian Dalam Negeri (KDN), telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-Undang Berkaitan Keselamatan untuk melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkenaan sebagaimana dasar Kerajaan terdahulu. Selain jabatan kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), jawatankuasa berkenaan turut dianggotai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan-badan hak asasi manusia yang lain, Badan Peguam Malaysia, pengamal undang-undang dan ahli akademik bagi mendapatkan pandangan yang menyeluruh dan seimbang terhadap akta-akta berkenaan.

Jawatankuasa, pada ketika itu, telah memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan dan telah memberikan pandangan terhadap peruntukan akta-akta tersebut terutamanya dari aspek perundangan dan hak asasi manusia. Jawatankuasa juga telah memberikan pandangan dari segi implikasi keselamatan yang akan timbul sekiranya akta-akta tersebut dipinda atau dimansuhkan.

Kerajaan pada ketika ini berpandangan bahawa undang-undang berkaitan keselamatan seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [Security Offences (Special Measures) Act, SOSMA] 2012 masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. PDRM masih memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancaman-ancaman keselamatan seperti pengganas dan juga sindiket jenayah terancang. Kerajaan komited untuk menambahbaik undang-undang keselamatan termasuk SOSMA dan Akta Hasutan.